

Pelopor kajian ilmiah

■ Penubuhan Kursi Kepemimpinan Islam Tuan Guru Haji Mohd Yassin di USIM sebagai usaha martabat Islam

FOTO: IQMAL HAQIM ROSMAN

Nilai

Usaha Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mewujudkan Kursi Kepemimpinan Islam adalah amat signifikan dan bertepatan dengan komitmen kerajaan untuk meningkatkan martabat Islam di mata dunia, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri berkata, dengan pengiktirafan masyarakat dunia terhadap Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang moden, demokratik, stabil dan pesat membangun, penubuhan Kursi Kepemimpinan Islam itu akan menjadi sumber utama dalam bidang kajian kepemimpinan Islam kontemporari.

"Kejayaan kita menubuh serta mengurus dengan baik pelbagai institusi Islam dalam bidang pengurusan hal ehwal agama, pendidikan, ekonomi, undang-undang dan pembangunan sosial menjadikan Malaysia antara negara contoh yang diteladani negara Islam lain," katanya.

Berucap melancarkan Kursi Kepemimpinan Islam Tuan Guru Haji Mohd Yassin Muhammad di USIM, di sini, semalam, Muhyiddin berkata, kerajaan menyokong penuh penubuhan Kursi itu.

Turut hadir, Yang Dipertua Dewan Negara Senator Tan Sri Abu Zahar Ujang, Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Seri Mohamad Hasan dan Naib Canselor



MUHYIDDIN melawat pameran buku ketika hadir pada Majlis Pelancaran Kursi Kepemimpinan Islam Tuan Guru Haji Mohd Yassin Muhammad. Turut sama Mohamad (kiri) dan Dr Musa (dua dari kiri).

USIM Prof Datuk Dr Musa Ahmad.

Kursi Kepemimpinan Islam itu dinamakan atas nama ayahanda Muhyiddin iaitu Mohd Yassin sebagai menghargai ketokohan Al-lahyarham yang ketika hayatnya begitu progresif, proaktif dan memiliki jati diri dalam memperjuangkan kepentingan agenda Melayu dan pembangunan Islam di Malaysia khususnya menerusi bidang pendidikan dan pentadbiran.

Muhyiddin berkata, model kepemimpinan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang moden, progresif dan stabil penting untuk dikaji lebih mendalam.

"Pada hemat saya, Kursi

Kepemimpinan Islam Tuan Guru Haji Mohd Yassin Muhammad di USIM ini boleh menjadi pelopor kepada usaha pengkajian ilmiah yang komprehensif tentang ciri-ciri, nilai dan amalan kepemimpinan Islam kontemporari yang sesuai dengan tuntutan masyarakat moden hari ini.

"Saya menyarankan ahli akademik dari dalam dan luar USIM bekerjasama dalam menghasilkan kajian ilmiah yang signifikan menerusi Kursi Kepemimpinan Islam ini," katanya.

Sementara itu, Musa berkata, melalui kursi itu, USIM berhasrat universiti itu dapat berfungsi sebagai pusat meneroka aspek kepemimpinan dari perspektif Islam bagi

mengembangkan teori dan pengalaman Malaysia dalam membentuk pemimpin masa depan.

"Kajian yang akan dijalankan diharap akan menghasilkan penemuan kajian yang bersifat universal dan mempunyai asas elemen Islam yang kukuh untuk dijadikan panduan pemimpin di peringkat global, seterusnya menjadi pusat promosi model kepemimpinan baharu yang unik dan stabil," katanya.

Kursi Kepemimpinan Islam itu ditubuhkan dengan kerjasama Yayasan Nurul Yaqeen dengan dana permulaan RM500,000 untuk tempoh setahun.

USIM turut melantik bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak sebagai penyandang Kursi berkenaan. - BERNAMA

FAKTA

Dana permulaan
RM500,000
untuk tempoh
setahun